

Berita Harian, 15/12/2020, H152



Tengku Zafrul ketika berucap pada Majlis Penyerahan Surat Anugerah Penjana Kapital di Kuala Lumpur, semalam.

Dana Penjana Nasional tarik pelaburan RM1.57b

Bukti pengurus dana asing menaruh minat tinggi terhadap industri pemula niaga Malaysia

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dana Penjana Nasional yang dilancarkan 1 Julai lalu, berjaya menarik lapan pengurus dana modal teroka (VC) untuk melabur sehingga RM1.57 billion dalam syarikat pemula niaga Malaysia.

Jumlah jangkaan pelaburan yang bakal dilaburkan syarikat VC asing dan tempatan itu turut mencipta pencapaian membarringsangkan kepada dana kendalian Penjana Kapital Sdn Bhd (Penjana Kapital) apabila melebihi sasaran peruntukan berjumliah RM1.2 billion yang ditetapkan kerajaan itu.

Penyertaan pengurus dana asing membuktikan minat yang tinggi terhadap prospek dan industri pemula niaga Malaysia yang mana turut berpotensi mewujudkan lebih daripada 1,800 pekerjaan.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata Penjana Kapital melakar sejarah tersendiri apabila menghubungkan syarikat pemula niaga di Malaysia dengan VC antarabangsa, dalam menyediakan ekosistem yang rancak bagi membuka jalan untuk firma berpotensi tinggi terus berkembang maju.

"Penjana Kapital menarik la-

pan pengurus dana VC dari Amerika Syarikat (AS), Korea, China, Indonesia dan Singapura untuk melabur dalam syarikat permulaan Malaysia sebagai sebahagian daripada program Dana Penjana Nasional yang bernilai RM1.2 billion.

"Sebenarnya, pengurus dana VC terpilih menetapkan pelaburan tambahan untuk mencapai saiz dana maksimum RM1.57 billion atau RM370 juta melebihi peruntukan asal RM1.2 billion," katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Surat Anugerah Penjana Kapital di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Asri Hamidon dan Pengurus Penjana Kapital, Datuk Shahrul Nuzri Abdul Rahim.

Dana Penjana Nasional adalah program padanan *fund-of-funds* (FOF) yang menjadi sebahagian daripada Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dilancarkan pada Jun lalu.

Menerusi Dana Penjana Nasional kerajaan memadankan hingga RM600 juta, berdasarkan padanan 1:1 dana yang dijana pengurus dana VC daripada pelabur tempatan asing dan swasta, dengan sasaran peruntukan sebanyak RM1.2 billion.

Dana itu akan disalurkan terutama kepada syarikat pemula niaga Malaysia dengan bakinya pula ke dalam syarikat pelaburan Asia yang dapat membawa manfaat ekonomi yang mampan bagi ekonomi Malaysia.

Pengurus dana VC itu bakal membawa pengetahuan mendalam mengenai sektor utama yang mempercepatkan pendigitalan pada era COVID-19. Sektor teras sasaran merangkumi fintech, edutech, agritech, mobiliti dan kecerdasan buatan (AI).

Tengku Zafrul berkata, pelaburan adalah kunci kepada pertumbuhan ekonomi dan produktiviti jangka panjang dengan rangsangan VC itu sebahagian daripada usaha meluas kerajaan untuk menambah baik persekitaran perniagaan pemula niaga negara.

Katanya, inisiatif itu juga bakal menjana lebih banyak peluang perniagaan, terutama dalam sektor yang mempunyai kesan pengganda tinggi untuk ekonomi.

"Saya mengalaukan kehadiran pengurus modal teroka asing ini ke tanah air kita. Penyertaan mereka yang menggalakkan, melalui rakan pengurus teroka tempatan, menunjukkan minat yang tinggi terhadap prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dan industri permulaannya."

"Saya yakini penggunaan dana ini akan memacu ekosistem permulaan kita dan mendorong syarikat permulaan ini untuk berinovasi dan berkembang dengan cepat."

"Saya berharap Penjana Kapital berjaya dalam membangunkan pasaran permulaan domesitik yang juga dijangka dapat mewujudkan sekurang-kurangnya 1,800 pekerjaan berkualiti dan berkemahiran tinggi," katanya.

Lapan pengurus dana modal teroka dan rakan kongsi tempatan mereka dipilih selepas melalui proses penilaian yang ketat dan proses kajian daya maju pelaburan oleh Panel Pelaburan Penjana Kapital.

Penjana Kapital membuka permohonan Permintaan Untuk Cadangan (RFP) pada September 2020 dengan 51 permohonan sudah diterima daripada pelbagai pengurus modal teroka yang berpusat di Malaysia dan beberapa negara asing.